

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 28 APRIL 2017

DALAM NEGERI 37



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) menyaksikan Abd. Latib Talib (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Pengurus Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Bhd., Sharif Ahmad (dua dari kanan) selepas perasmian Persidangan Angkasa Melaka dan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman antara MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. dengan Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Bhd. di Melaka, semalam. - UTUSAN/MOHD AZIM ABD. RAHMAN

## Kaji semula insentif koperasi – Abdul Fattah

Oleh FADZLY IZAB  
pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 27 APRIL

**A**NGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meminta kerajaan mengkaji semula pakej insentif kepada sektor koperasi yang dilihat tidak setanding dengan insentif yang diterima oleh sektor-sektor lain termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sudah tiba masanya sektor koperasi mendapat pakej insentif yang setara dengan sektor-sektor lain atas kemampuannya memberikan sumbangan besar dari segi perolehan kepada negara.

“Kita mempunyai keahlian yang besar iaitu melebihi lapan juta ahli di seluruh negara selain memungut jumlah perolehan tahunan lebih RM30 bilion dan terus meningkat saban tahun.

“Sehubungan itu, Angkasa mahu sektor koperasi ini diberikan

perhatian sewajarnya terutama dari segi insentif agar ia dapat disamaratakan dengan apa yang diperoleh sektor lain seterusnya merancakkan lagi aktiviti ekonomi dalam kalangan ahli-ahlinya,” kata beliau.

Abdul Fattah berkata demikian dalam sidang akbar selepas merasmikan Persidangan Angkasa Melaka dan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. dengan Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Berhad di sini, hari ini.

Hadir sama, timbalan beliau, Mutadho Bahri; Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Shaik dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Melaka, Abd. Latib Talib.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah memberitahu, kerajaan perlu meningkatkan nilai geran kepada sektor koperasi daripada RM300,000 kepada nilai yang sama diterima sektor perusahaan kecil dan sederhana iaitu seba-

nyak RM500,000.

Selain itu, kata beliau, kerajaan juga perlu membantu dalam memperluaskan akses pasaran sektor koperasi sama seperti sektor PKS yang mendapat kemudahan memasarkan produk mereka dalam pelbagai agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negara.

“Kita juga mahu beberapa insentif lain ditambah baik demi kebaikan ahli dan gerakan koperasi itu sendiri yang mungkin kurang berbanding sektor-sektor lain,” tambahnya.

Sementara itu, dalam majlis sama, Angkasa melalui anak syarikatnya, MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. menjalinkan kerjasama dengan Koperasi Pembangunan Daerah Alor Gajah Berhad bagi membangunkan sektor harta tanah di negeri ini.

“Kerjasama antara kedua-dua pihak ini bertujuan membangunkan projek berimpak tinggi iaitu pembangunan 46 unit rumah di Alor Gajah yang bakal memberi faedah besar kepada ahli-ahlil,” ujar beliau.